




**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 01/2020
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**GARISPANDUAN LANGKAH PERSEDIAAN DAN PENCEGAHAN JANGKITAN
CORONAVIRUS BARU (2019-nCoV)
BAGI PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka dengan ini Jabatan Perdana Menteri menggariskan langkah-langkah persediaan dan pencegahan jangkitan Coronavirus Baru (2019-nCoV) yang perlu dilaksanakan selaras dengan perkembangan ketika ini seperti berikut:-

1. Kaedah Pencegahan

- 1.1 Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan hendaklah memastikan tahap kebersihan di tempat bekerja adalah di tahap kebersihan yang sangat baik.
- 1.2 Adalah juga dinasihatkan supaya Warga Perkhidmatan Awam mementingkan kebersihan diri (*Personal Hygiene*) seperti pembasuhan tangan dengan air bersih dan sabun terutamanya sebelum mengendalikan makanan, sebelum makan, selepas menggunakan tandas dan selepas batuk dan bersin, penggunaan *hand sanitiser* dan seumpamanya.
- 1.3 Jika Warga Perkhidmatan Awam mempunyai simptom-simptom demam panas, batuk, selesma, masalah pernafasan dan sebagainya, mereka adalah dinasihatkan untuk tidak datang ke pejabat dan hendaklah mendapatkan rawatan perubatan dengan serta-merta di hospital, klinik atau pusat-pusat kesihatan.



2. Penubuhan Pasukan Tindakan (*Action Team*)

2.1 Setiap Kementerian dan Jabatan Kerajaan digalakkan untuk menubuhkan Pasukan Tindakan (*Action Team*) masing-masing sebagai langkah persediaan. Antara perkara-perkara yang boleh diambil tindakan dalam Kementerian dan Jabatan adalah seperti berikut:-

- 2.1.1 Melantik ketua dan ahli-ahli *Action Team*. Ketua Pasukan Tindakan hendaklah terdiri daripada Pengarah Pentadbiran atau setaraf.
- 2.1.2 Memastikan barang-barang seperti *hand sanitiser*, sabun pencuci tangan dan lain-lain barang yang diperlukan hendaklah disediakan di tempat-tempat yang bersesuaian termasuk pintu masuk dan keluar utama;
- 2.1.3 Memastikan langkah-langkah pemantauan kebersihan dan preventif dijalankan di tempat bekerja khususnya kawasan tandas, kantin, bilik pejabat dan lain-lain.

3. Menghadiri Mesyuarat, Seminar dan seumpamanya dan kembali daripada bercuti dari Republik Rakyat China dan luar negeri

A. Republik Rakyat China

- 3.1 Sebarang perjalanan ke Republik Rakyat China yang berkaitan dengan urusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah ditangguhkan.
- 3.2 Warga Perkhidmatan Awam juga adalah dilarang untuk membuat sebarang perjalanan ke Wilayah Hubei dan untuk menangguhkan sebarang perjalanan yang tidak penting ke Republik Rakyat China.



- 3.3 Mana-mana Warga Perkhidmatan Awam yang sakit dan sedang berada di Republik Rakyat China adalah dinasihatkan untuk menangguhkan kepulangan mereka ke Negara Brunei Darussalam dan adalah dikehendaki untuk mendapatkan bantuan pihak Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Republik Rakyat China untuk tindakan selanjutnya.
- 3.4 Mana-mana Warga Perkhidmatan Awam yang kembali dari Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam hendaklah memenuhi peraturan Pengasingan Diri (*Self-Isolation*) seperti keterangan di perenggan 4 di bawah.
- 3.5 Mana-mana Kementerian dan Jabatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun atau Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Companies*) hendaklah menangguhkan sebarang jemputan atau undangan kepada rakyat Republik Rakyat China untuk datang ke Negara Brunei Darussalam.

B. Negara-Negara Lain

- 3.6 Warga Perkhidmatan Awam yang menghadiri mesyuarat, seminar dan seumpamanya atau bercuti di luar negeri adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah berwaspada ketika berada di luar negeri seperti berikut:
 - 3.6.1 Menjaga kesihatan;
 - 3.6.2 Menjaga kebersihan diri (*Personal Hygiene*);
 - 3.6.3 Mengelakkan tempat-tempat yang sesak; dan
 - 3.6.4 Jika sakit semasa di luar negeri, adalah dinasihatkan untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan.



- 3.7 Jika Warga Perkhidmatan Awam kembali dari luar negeri dalam keadaan sihat dan tidak ada mempunyai simptom-simptom demam panas, batuk, selesma, masalah pernafasan dan sebagainya, mereka adalah dibolehkan untuk bertugas seperti biasa.
- 3.8 Walaubagaimanapun, jika mereka berasa kurang sihat, jatuh sakit atau mengalami simptom-simptom demam panas, batuk, selesma, masalah pernafasan dan sebagainya, setelah kembali dari luar negeri, maka mereka adalah dinasihatkan untuk tidak datang ke pejabat dan mestilah terlebih dahulu mendapatkan rawatan perubatan dengan seberapa segera di hospital, klinik atau pusat-pusat kesihatan.

4. Pengasingan Diri (*Self-Isolation*)

- 4.1 Mana-mana Warga Perkhidmatan Awam yang telah **meninggalkan/bertolak dari Republik Rakyat China** dalam **tempoh masa 14 hari** dan dibenarkan masuk ke Negara Brunei Darussalam akan **dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri (*Self-Isolation*) selama 14 hari** menurut garispanduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan. Tempoh 14 hari ini tidak akan ditolak daripada hak kelayakan cuti tahunan, tertakluk kepada pengesahan daripada pihak Kementerian Kesihatan.
- 4.2 Walaubagaimanapun, Warga Perkhidmatan Awam yang telah **meninggalkan/bertolak dari Republik Rakyat China** dalam **tempoh masa melebihi 14 hari** dan dibenarkan masuk ke Negara Brunei Darussalam (termasuklah bagi mereka yang membuat perjalanan ke negara lain sebelum tiba ke Negara Brunei Darussalam) tidak akan **dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri (*Self-Isolation*)**.
- 4.3 Mana-mana Warga Perkhidmatan Awam yang gagal mematuhi arahan Pengasingan Diri (*Self-Isolation*) yang boleh membahayakan orang ramai maka pihak yang berwajib akan mengambil tindakan undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa pada masa ini.



5. Badan-badan berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Companies*) adalah dikehendaki untuk menggunakan garispanduan persediaan dan pencegahan jangkitan Coronavirus Baru (2019-nCoV) yang terkandung dalam Surat Keliling ini.
6. Surat Keliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh Surat Keliling ini dikeluarkan dan akan diteliti dari masa ke semasa menurut keperluan dan perkembangan terkini.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

“Menjayakan Wawasan Negara”

Dengan hormat

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Siti Nirmala Binti Pengiran Haji Mohammad".

[PENGIRAN HAJAH SITI NIRMALA BINTI PENGIRAN HAJI MOHAMMAD]

Pemangku Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan, BA 1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (1) JPM/SK/2020
Tarikh : 07 Jamadilakhir 1441 / 01 Februari 2020